

Jangan dengar khabar angin, saya sihat – Najib
Utusan Online
09 Januari, 2013

KUALA LUMPUR 8 Jan. - Datuk Seri Najib Tun Razak menafikan khabar angin kononnya beliau diserang strok ringan seperti yang didakwa oleh beberapa blog sejak minggu lalu.

Perdana Menteri dalam nada ceria sebaliknya berkata, beliau sihat dan meminta rakyat Malaysia tidak terpengaruh dengan khabar angin.

"Bursa Malaysia sihat, pasaran bon sihat, pasaran sukuk sihat dan saya juga sihat. Jadi, tolong jangan percaya terhadap blog," katanya sambil disambut dengan tepukan.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis pelancaran Bon Dagangan dan Sukuk (ETBS) di Bursa Malaysia Berhad di sini hari ini.

Khabar angin kononnya Perdana Menteri diserang strok ringan mula tersebar sejak minggu lalu tetapi segera disangkal Setiausaha Akhbar beliau, Datuk Tengku Sharifuddin Tengku Ahmad.

Malah, beberapa pihak juga dikesan menyebarkan berita palsu kononnya Najib mungkin tidak akan hadir merasmikan pelancaran ETBS disebabkan faktor kesihatan.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130109/dn_02/Jangan-dengar-khabar-angin-saya-sihat---Najib